


TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN

FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

Pendapatan Pelaburan Kasar : RM Bilion
Gross Investment Income : RM Billion



PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan Pelaburan Kasar

KWSP mencatat jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM31.02 bilion, meningkat 13.91% berbanding tahun 2011. Faedah dan Keuntungan daripada Pelaburan merupakan penyumbang utama yang menghasilkan RM12.67 bilion di mana RM11.89 bilion adalah daripada pelaburan yang diuruskan secara dalaman. Pendapatan daripada Faedah dan Keuntungan pelaburan meningkat RM2.61 bilion, atau 25.94% berbanding RM10.06 bilion bagi tahun kewangan 2011 terutamanya keuntungan daripada sekuriti hutang persendirian Islamik yang dilaburkan dalam negara.

Pulangan daripada instrumen Aset Kewangan Sedia Dijual diperoleh daripada Keuntungan Modal atas Dagangan dan Dividen yang masing-masing menyumbang RM7.71 bilion dan RM6.43 bilion. Daripada jumlah gabungan ini, RM10.70 bilion dijana oleh pengurus dana dalaman manakala baki RM3.44 bilion diperoleh daripada pengurus dana luaran KWSP. Pulangan daripada instrumen Aset Kewangan Sedia Dijual meningkat sebanyak RM969.20 juta, atau 7.36% berbanding tahun lepas.

KWSP juga berjaya mencatat pendapatan yang stabil sebanyak RM3.72 bilion daripada faedah dari Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan berbanding RM3.77 bilion pada tahun 2011.

Secara keseluruhan, jumlah pendapatan pelaburan kasar KWSP pada tahun 2012 meningkat berbanding tahun sebelumnya, hasil daripada pendekatan yang berhemah terhadap pengurusan aset dengan mengambil kira pertumbuhan saiz aset KWSP.

FINANCIAL RESULTS

Gross Investment Income

The EPF achieved a total gross investment income of RM31.02 billion, marking a 13.91% increase from that in 2011. Interest and Profit from Investments was the main contributor, generating RM12.67 billion, of which RM11.89 billion was from internally managed funds. Income from Interest and Profit from Investments increased by RM2.61 billion, or 25.94%, from RM10.06 billion in the financial year 2011, mainly due to profits from Islamic private debt securities invested locally.


Returns from Available-For-Sale (AFS) instruments, arising from Capital Gains from Trading and Dividends, contributed RM7.71 billion and RM6.43 billion respectively. Of the combined total, RM10.70 billion was generated by internally managed funds while the remaining RM3.44 billion was contributed by our external fund managers. Returns from AFS instruments increased by RM969.20 million, or 7.36%, from that achieved in the previous year.

We also achieved a stable income of RM3.72 billion from Interest on Loans, Advances and Financing, as compared to RM3.77 billion in 2011.

Overall, the EPF's total gross investment income in 2012 was higher than in previous years as a result of a disciplined approach to asset management that takes into consideration the growth of our asset size.

TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN
FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

Perbelanjaan Operasi : RM Juta
Operating Expenditure : RM Million



Perbelanjaan Operasi

Pada tahun 2012, KWSP mencatat Perbelanjaan Operasi sebanyak RM810.56 juta berbanding RM873.76 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan sebanyak 7.23% disebabkan oleh pengurangan kos kakitangan dan belanja manfaat pekerja. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, belanja susut nilai dan caj pelunasan aset tetap meningkat 14.66% kepada RM107.55 juta berbanding RM93.80 juta pada tahun sebelumnya. Ini sebahagiannya telah mengimbangi penurunan tersebut.

Dari segi kuantum, kos kakitangan berjumlah RM538.76 juta mewakili 66.47% daripada jumlah keseluruhan Perbelanjaan Operasi yang diiktiraf pada tahun 2012. Ini diikuti oleh belanja susut nilai dan caj pelunasan aset tetap sebanyak 13.27% dan kos penyelenggaraan menyumbang 7.24% daripada jumlah keseluruhan Perbelanjaan Operasi.

Operating Expenditure

In 2012, the EPF's Operating Expenditure amounted to RM810.56 million as compared to RM873.76 million in the preceding financial year. The 7.23% decrease was primarily due to lower staff costs and employee benefits. For the financial year ended 31 December 2012, depreciation and amortisation charges increased by 14.66% to RM107.55 million as compared to RM93.80 million in the preceding year. This partially offset the decrease.

In terms of quantum, staff costs amounting to RM538.76 million represented 66.47% of the EPF's total Operating Expenditure recorded in 2012. This was followed by depreciation and amortisation charges, which formed 13.27% and maintenance costs that contributed 7.24% to the total 2012 Operating Expenditure.

TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN

FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS



KEDUDUKAN KEWANGAN

Aset Pelaburan

Jumlah aset pelaburan meningkat RM57.72 bilion atau 12.31% daripada RM469.04 bilion setakat akhir tahun 2011 kepada RM526.75 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan dalam baki Aset Kewangan Sedia Dijual (AFS) terutamanya dalam ekuiti. Sepanjang tahun yang diulas, dengan prestasi pasaran ekuiti yang kukuh, alokasi untuk ekuiti terus dipertingkatkan secara progresif dalam lingkungan had yang ditetapkan. Ia juga disokong oleh volum dagangan yang menggalakkan dan peningkatan prestasi dalam pelbagai pasaran, yang menjadikan baki aset AFS melonjak sebanyak RM44.54 bilion kepada RM207.64 bilion yang mewakili 39.42% daripada jumlah keseluruhan pelaburan.

Mengambil kira strategi KWSP untuk memastikan aliran keuntungan yang konsisten dalam konteks pendedahan berisiko rendah bagi pelaburan jangka panjang, Aset Dipegang Sehingga Matang (HTM) dan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan yang mewakili instrumen berpendapatan tetap masing-masing berada pada baki RM179.19 bilion (34.02%) dan RM80.64 bilion (15.31%). Secara keseluruhan, terdapat penurunan marginal sebanyak RM1.68 bilion atau 0.64% dalam alokasi instrumen pelaburan ini berbanding pada tahun lepas selaras dengan peralihan Alokasi Aset Strategik.

Pada tahun 2012, pelaburan tambahan juga dibuat ke atas syarikat subsidiari dan bersekutu berikutan pelaburan dalam hartanah domestik dan global. Secara kumulatif, pegangan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu mencatat 5.85% daripada jumlah keseluruhan pelaburan, meningkat sedikit daripada 5.65% pada tahun 2011.

FINANCIAL POSITION

Investment Assets


Total investment assets grew by RM57.72 billion or 12.31% from RM469.04 billion as at end 2011 to RM526.75 billion. This growth was largely contributed by the increase in Available-For-Sale (AFS) financial assets, particularly in equities. During the year, on the back of stronger performance in the equity market, the allocation for equities was progressively raised within tolerable limits. Supported by encouraging trading volumes and improvements in various markets, the value of AFS assets jumped RM44.54 billion to RM207.64 billion, and represented 39.42% of the total investments.

On account of the EPF's strategy that seeks a constant stream of revenue at low-risk exposure over a long-term investment horizon, assets in Held-To-Maturity (HTM) and Loans, Advances and Financing, which specify fixed income instruments, stood at RM179.19 billion (34.02%) and RM80.64 billion (15.31%) respectively. Combined, there was a slight decrease of RM1.68 billion or 0.64% in the allocation for these investments as compared to the previous year in line with our Strategic Asset Allocation transition.


In 2012, additional investments were also made into our subsidiaries and associated companies due to investments in both domestic and global properties. Cumulatively, the holdings in both subsidiaries and associated companies corresponded to 5.85% of the total investments, a slight increase from 5.65% in 2011.

TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN
FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

Liabiliti : RM Bilion
Liabilities : RM Billion



Kutipan Caruman Pada Tahun Semasa : RM Bilion
Contributions Collected During The Year : RM Billion



Liabiliti

Jumlah liabiliti meningkat 223.27% kepada RM3.75 bilion daripada RM1.16 bilion setakat 2011 disebabkan oleh peningkatan akruan terhadap pembelian instrumen pelaburan pada hujung tahun yang mana pembayaran akan dibuat pada bulan berikutnya. KWSP mencatatkan peningkatan baki pemiutang pada 2012 terutamanya untuk pembelian bon global konvensional pada akhir tahun.

Caruman

Caruman terkumpul adalah sebanyak RM489.28 bilion setakat 31 Disember 2012, pertumbuhan 9.72% atau RM43.34 bilion, daripada baki penutup sebanyak RM445.94 bilion setakat tahun 2011. Simpanan terkumpul ahli dalam Akaun Caruman seperti yang ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan meningkat berikutan caruman majikan melebihi jumlah keseluruhan pengeluaran yang dibayar kepada ahli dan waris ahli, menghasilkan aliran tunai bersih yang konsisten sepanjang tahun.

Kutipan Caruman Pada Tahun Semasa

Pada tahun 2012, sejumlah RM46.18 bilion dikutip daripada majikan berbanding RM41.43 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM4.75 bilion atau 11.47% yang konsisten dengan kenaikan gaji serta peningkatan jumlah ahli aktif. Secara purata, kira-kira RM3.85 bilion telah berjaya dikutip untuk setiap bulan pada tahun 2012.

Liabilities

Total liabilities grew by 223.27% to RM3.75 billion from RM1.16 billion in 2011 primarily due to higher accruals on the purchase of investment instruments close to year end, for which settlements are made the following month. The EPF recorded higher payables in 2012 mainly on the purchase of global conventional bonds at the end of the year.

Contributions


Cumulative contributions stood at RM489.28 billion as at 31 December 2012, indicating growth of 9.72%, or RM43.34 billion, from the closing balance of RM445.94 billion in 2011. Members' cumulative savings in the Contribution Account as reflected in the Statement of Financial Position grew as employers' contributions exceeded the total paid in withdrawals to members and beneficiaries, resulting in a consistent net cash inflow throughout the year.

Collection During the Year

In 2012, a total of RM46.18 billion was collected from employers as opposed to RM41.43 billion in the preceding year. This represented an increase of RM4.75 billion or 11.47%, consistent with higher wages as well as growth in the number of active members. On average, approximately RM3.85 billion was collected per month in 2012.

TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

Pengeluaran dan Pengembalian : RM Bilion
Withdrawals and Refund : RM Billion



Pengeluaran dan Pengembalian Caruman Tahun Semasa

Jumlah keseluruhan pengeluaran dan pengembalian pada tahun 2012 berjumlah RM33.10 bilion berbanding RM30.02 bilion pada tahun sebelumnya. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.08 bilion atau 10.26%. Maklumat lanjut mengenai pengeluaran ditunjukkan di ruangan Statistik dalam Laporan Tahunan ini. Secara purata, kira-kira RM2.76 bilion telah dibayar kepada ahli dan waris ahli pada setiap bulan pada tahun semasa. Jenis pengeluaran tertinggi ialah skim Pengeluaran Umur 55 Tahun di mana sebanyak RM12.19 bilion telah dibayar atau mewakili 36.83% daripada jumlah pengeluaran yang telah dibayar.

Lain-Lain Dana

Lain-lain Dana berada pada baki RM43.00 bilion setakat 31 Disember 2012, yang terdiri daripada RM1.53 bilion dalam Lebihan Terkumpul (rizab yang boleh diagih) dan RM41.47 bilion dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (AFS) (rizab yang tidak boleh diagih). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM12.41 bilion, atau 40.57%, daripada RM30.59 bilion baki Lain-Lain Dana setakat tahun 2011. Peningkatan ketara ini adalah selaras dengan pertumbuhan positif Rizab AFS setakat 31 Disember 2012.

Withdrawals and Refunds During the Year

Total withdrawals and refunds in 2012 amounted to RM33.10 billion as compared to RM30.02 billion in the previous year. This reflected an increase of RM3.08 billion or 10.26%. Details of withdrawals are provided in the Statistics section of this Annual Report. On average, approximately RM2.76 billion was paid to members and beneficiaries per month in the current year. In terms of value, the highest withdrawal type for the year was the Age 55 scheme, amounting to RM12.19 billion, representing 36.83% of total withdrawal payments made.

Other Members' Fund

Other Members' Fund stood at RM43.00 billion as at 31 December 2012, comprising RM1.53 billion in Accumulated Surplus (distributable reserves) and RM41.47 billion in Available-For-Sale (AFS) Financial Asset Reserves (non-distributable reserves). This marked an increase of RM12.41 billion, or 40.57%, from the Other Members' Fund of RM30.59 billion in 2011. The significant increase was in line with positive growth of the AFS Reserves as at 31 December 2012.